

Buletin Mengabor

مجلس باندرا ديرايا
MAJLIS PERBANDARAN PEKAN BANDAR DIRAJA



Si Datang

PASUKAN PANEL PENILAI
SISTEM PENARAFAN BINTANG
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB - PBT) TAHUN 2024
KE MAJLIS PERBANDARAN PEKAN

5 JUN 2024 (RABU)



Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2024



AHLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN PEKAN

Isi Kandungan

- 4 - Majlis Penyampaian Bantuan Prihatin Pahang 2024 Insentif Kerajaan Negeri Pahang (Kluster Penjaja, Kluster Pemandu Teksi dan Kluster Food Rider).
- Lawatan dari Sekretarian Pematuhan SAGA.
- 5 - Lawatan oleh Panel Penilaian Jawatankuasa Pematuhan SAGA.
- 6 - Lawatan Tapak oleh KDYMM Sultan Pahang ke Tapak Projek Menaiktaraf Bangunan Lama dan Tapak Kawasan Sekitarnya di Pekan Lama.
- 7 - Karnival Rakyat Pahang 2024.
- 8 - Kunjung Hormat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ke MPP. Majlis Penyerahan Kunci Rumah.
- 9 - Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih.
- 10 - Kita Seia Sekata.
- Lawatan ke Tapak Pembangunan Pekan Sentral.
- 11 - Program Pemeriksaan Kesihatan.

- Program Penyerahan Sumbangan kepada Masjid dan Surau.
- Mesyuarat Agung Kali ke-26 Kelab Sukan Kebajikan dan Rekreasi (SERASI).
- 13 - MALAYSIA QuranHour
- Majlis Perjumpaan Setiausaha Bersama Pegawai dan Kakitangan MPP.
- 14 - Jualan Makmur.
- 16 - Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit.
- Bengkel Focus Group Discussion (FDG) Kali 1/2024.
- Bengkel Focus Group Discussion (FDG) Kali 2/2024.
- 17 - Bengkel Focus Group Discussion (FDG) Kali 3/2024.
- Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis Sesi 2024-2026.
- 18 - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H/2024M.
- 20 - Gotong-Royong Perangi Aedes.
- OPS Bersepadu.
- 21 - Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail MPP.
- 22 - Lawatan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Sesi Libat Urus (Town Hall).
- 23 - Projek Transformasi Hijau 2024 Kampung Bersih.
- Program Gotong-Royong Basmi Denggi.
- 24 - Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT).
- 25 - Seminar Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang.
- Bengkel Pemutihan Rumah Sembelihan Negeri Pahang.
- 26 - Kempen Kawalan Tikus.
- Gotong-Royong Perdana.
- Taklimat dari Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Pahang.
- 27 - SMR X PBT Golf Tournament.
- 28 - Kejohanan "Ipoh-Moh Kite Boling" Piala Datuk Bandar MBI.

Sidang Pengarang

PENAUNG

Mohamad Nasir bin Jusoh, AAP
ydp@mpp.gov.my

PENASIHAT

Puan TPr Zuraidah binti Abdul Majid
mnsir@mpp.gov.my

KETUA EDITOR

Puan Jama'iah binti Ahmad
jamaiah@mpp.gov.my

EDITOR

En. Muhamad Iqbal Zahin bin Hashim
iqbal@mpp.gov.my

WARTAWAN

Puan Hamizatul Azna binti Khamis
Cik Asma' binti Abdul Razak
En. Mohd Khairul Hafiz bin Abdul Kahar
Puan Nur Faridah Hanom binti Mohamed
Puan Asnawati binti Abas
Puan Fa'riha binti Mohamad
Puan Norfazleen binti Ayub
Encik Nasran bin Samsudin
En. Mohd Akhri bin Muda
Puan Nor Haslina binti Mohd Nor

JURUGAMBAR

En. Saiful Shahiruddin bin Mohammad
En. Amin Khaydatul Adam bin Abdul Rahim

SUSUNAN REKABENTUK & GRAFIK

Puan Norazlin binti Dzulkarnain

PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Mohamad Nasir bin Jusoh, AAP.



DITERBITKAN & EDARAN

Bahagian Teknologi Maklumat
Majlis Perbandaran Pekan
26600 Pekan Bandar Diraja
Pahang Darul Makmur

No. Tel : 09 4211 030
No. Faks : 09 4221 954
Emel : mpp@mpp.gov.my
Web Rasmi : mpp.gov.my

Penerbit tidak akan bertanggungjawab
atas sebarang pelanggaran hak cipta
dan masalah daripada penerbitan ini.

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh
dan salam sejahtera.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T
kerana dengan inayah dan kurnia-Nya dapat kita
bersua kembali di dalam Buletin Mengabor Majlis
Perbandaran Pekan edisi 1/2024 ini.

Pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan
sepanjang tempoh penggal pertama tahun 2024.
Aktiviti dan program dalaman ini melibatkan
program dalaman bersama kakitangan dan juga
program luaran yang melibatkan jabatan-jabatan
lain dan masyarakat setempat.

lanya bertujuan untuk menunjukkan komitmen
Majlis Perbandaran Pekan dalam memberi
perkhidmatan yang terbaik kepada pembangunan
daerah Pekan.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima
kasih kepada semua yang terlibat secara langsung
atau tidak langsung khususnya kepada pihak
Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Pahang,
para pelanggan dan pembayar cukai yang telah
memberikan sokongan dan kerjasama berterusan
kepada MPP.

Sekian, terima kasih.

**PEKAN BANDAR DIRAJA,
MEGAH, PROGRESIF, PERMAI**



Majlis Penyampaian BANTUAN PRIHATIN PAHANG 2024 INSENTIF KERAJAAN NEGERI PAHANG KLUSTER PENJAJA, KLUSTER PEMANDU TEKSI DAN KLUSTER *FOOD RIDER*

PEKAN, 16 JANUARI 2024 : Seramai 256 penerima daripada tiga kluster iaitu penjaja, pemandu teksi dan *food rider* telah menerima Bantuan Prihatin Pahang (BPP) yang diadakan di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah di Pekan.

BPP tersebut telah disampaikan oleh Exco Kerja Raya, Pengangkutan, Kesihatan Dan Kerajaan Tempatan Negeri Pahang, YB. Dato' Haji Mohammad Fakhruddin Mohd Ariff. Turut hadir mengiringi, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pekan, YH. Dato' Haji Zainal Abidin bin Md. Amin dan Setiausaha Majlis Perbandaran Pekan, Puan TPr Zuraidah binti Abdul Majid.




Lawatan dari Pasukan Sekretariat Pematuhan SAGA bagi Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan ke Majlis Perbandaran Pekan pada 18 Januari 2024





LAWATAN OLEH PANEL PENILAIAN JAWATANKUASA PEMATUHAN SAGA BAGI SISTEM APLIKASI PERAKAUNAN DAN KEWANGAN

PEKAN, 18 JANUARI 2024 : Majlis Perbandaran Pekan mengalu-alukan lawatan dari Pasukan Sekretariat Pematuhan SAGA bagi Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan ke Majlis Perbandaran Pekan



TERIMA KASIH DI ATAS SUMBANGAN DAN JASA BAKTI YANG TELAH DICURAHKAN



Lawatan Tapak oleh KDYMM Sultan Pahang ke Tapak Projek Menaiktaraf Bangunan Lama dan Tapak Kawasan Sekitarnya di Pekan Lama, Pekan, Pahang

PEKAN, 1 FEBRUARI 2024 : Lawatan Tapak KDYMM Sultan Pahang Ke Tapak Projek Menaiktaraf Bangunan Lama Dan Kawasan Sekitarnya di Pekan Lama, Pekan Bandar Diraja, Pahang Darul Makmur.





KUANTAN, 2 - 4 FEBRUARI 2024 : Karnival Rakyat Pahang 2024 telah berlangsung sempena Keberangkatan Balik Sultan Pahang dan KDYMM Tengku Ampuan Pahang ke Negeri Pahang bertempat di Dataran Sayangi Kuantan, Kuantan Pahang.

Antara pengisian untuk karnival ini termasuklah Himpunan Pendekar Pahang dan Tayangan Filem Pagari Bulan yang telah dihadiri oleh Yang Berhormati Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, EXCO Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang.

Malam kemuncak karnival merupakan pengumuman pemenang Pertandingan Kereta Berhias Karnival Rakyat Pahang dan Majlis Perbandaran Pekan turut menyertai pertandingan tersebut mewakili daerah Pekan. Kereta Berhias Pekan telah berjaya merangkul tempat kedua pertandingan tersebut dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh KDYMM Sultan Pahang. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat!

KARNIVAL RAKYAT Pahang 2024



KUNJUNG HORMAT

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ke Majlis Perbandaran Pekan

PEKAN, 14 Februari 2024 - Kunjungan hormat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ke Majlis Perbandaran Pekan.



Majlis Penyerahan Kunci Rumah

Bina Baru Rumah di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

PEKAN, 15 Februari 2024 - Majlis Penyerahan Kunci Rumah di Dewan Bunga Pekan, Majlis Perbandaran Pekan, di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan





Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih

PEKAN, 27 FEBRUARI 2024 - Telah diadakan Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih Sempena Persaraan YH. Dato' Haji Zainal Abidin Bin Md Amin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pekan di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah.

Turut Hadir pada Majlis tersebut Pn. TPr. Zuraidah binti Abdul Majid, Setiausaha Majlis Perbandaran Pekan, Ahli-ahli Majlis serta seluruh kakitangan Majlis Perbandaran Pekan.

YH. Dato' Haji Zainal Abidin Bin Md Amin mula berkhidmat di Majlis Perbandaran Pekan sebagai Yang Dipertua pada tahun 2021 dan tamat perkhidmatan pada 20 Februari 2024. Semoga YH. Dato' Haji Zainal Abidin Bin Md Amin sentiasa dirahmati & sentiasa di dalam perlindungan Allah S.W.T.



2 SEPTEMBER 1985 - 20 FEBRUARI 2024

"Sejar... Budi..."

Retaranda, Ahli Ma...
Kakitangan M...
bandaran Pekan



KITA Seia Sekata

PEKAN, 05 MAC 2024 : Majlis Perjumpaan Penjawat Awam di Daerah Pekan bersama - sama Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah, Majlis Perbandaran Pekan.



LAWATAN KE TAPAK PEMBANGUNAN PEKAN SENTRAL - TERMINAL PENGANGKUTAN AWAM DAN PASAR

PEKAN, 05 MAC 2024 : Majlis Perjumpaan Penjawat Awam di Daerah Pekan bersama - sama Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah, Majlis Perbandaran Pekan.





PROGRAM PEMERIKSAAN KESIHATAN

PEKAN, 8 MAC 2024 - Program Pemeriksaan Kesihatan Bagi Kakitangan Majlis Perbandaran Pekan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Pekan telah diadakan di Dewan Konvesyen Sultan Haji Ahmad Shah.

Program yang diadakan setiap tahun ini diadakan bagi memastikan tahap kesihatan kakitangan Majlis Perbandaran Pekan sentiasa dipantau dan dikemaskini. Semua kakitangan diwajibkan untuk membuat pemeriksaan kesihatan yang terdiri daripada pemeriksaan tahap gula dalam darah, tekanan darah, tahap kolestrol dan tahap BMI bagi setiap kakitangan.



Program Penyerahan Sumbangan Kepada Masjid dan Surau

PEKAN, MAC 2024 - Program Penyerahan Sumbangan kepada Masjid dan Surau dalam kawasan operasi Majlis Perbandaran Pekan sempena Ramadan Al Mubarak.



MESYUARAT AGUNG KALI KE-26 KELAB SUKAN KEBAJIKAN DAN REKREASI (SERASI) MAJLIS PERBANDARAN PEKAN

PEKAN, 22 MAC 2024 - Mesyuarat Agung kali ke-26 Kelab Sukan Kebajikan dan Rekreasi Majlis Perbandaran Pekan di Dewan Konvesyen Sultan Haji Ahmad Shah





PEKAN, 4 April 2024 - Program World #Quranhour 2024 di Dewan Banquet, Majlis Perbandaran Pekan



MAJLIS PERJUMPAAN SETIAUSAHA BERSAMA PEGAWAI DAN KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN PEKAN

PEKAN, 5 April 2024 - Majlis Perjumpaan Setiausaha bersama Pegawai dan Kakitangan Majlis Perbandaran Pekan serta Ceramah Agama sempena Bulan Ramadan yang telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Sani bin Mohd Saat.



Jualan Makmur

SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI

INISIATIF KERAJAAN NEGERI PAHANG 2024

PEKAN, 6-7 APRIL 2024 - Jualan Makmur Sempena Hari Raya Aidilfitri yang akan diadakan pada 6 - 7 April 2024 (Sabtu - Ahad) di lokasi seperti di bawah iaitu Pasaraya BS Freshmart, Pasaraya Pantai Selamat dan di Dewan Shahbandar Chini.

Gambar-gambar sekitar Jualan Makmur Aidilfitri pada 06 April 2024 yang bertempat di Pasaraya Pantai Selamat Peramu, Pasaraya BS Freshmart Pekan, dan Dewan Shahbandar Chini, Pekan. Jualan Makmur Aidilfitri akan berlangsung selama dua hari iaitu pada 06 hingga 07 April 2024. Penganjuran program ini diselaraskan oleh Exco Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Pahang, Sim Chon Siang dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pasar raya yang terlibat.

Turut hadir pada Jualan Makmur Aidilfitri di Dewan Shahbandar Chini Pekan, YB Mohd Sharim bin Haji Md Zain, ADUN Chini, dan turut mengiringi Puan TPr Zuraidah binti Abdul Majid, Setiausaha Majlis Perbandaran Pekan serta Puan Nurul Azma binti Muhammad, Ketua Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Majlis Perbandaran Pekan.

Jualan Makmur Aidilfitri ini adalah inisiatif dari Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun 2024 yang bertujuan mengurangkan beban dan kos sara hidup rakyat terutama dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Semoga dengan adanya Jualan Makmur Aidilfitri ini, ianya dapat membantu masyarakat setempat membeli keperluan barangan harian dengan harga yang murah.



Dewan Shahbandar, Chini



Pasaraya BS Freshmart



Pasaraya Pantai Selamat



JOM baca bersama untuk



Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit telah diadakan secara serentak di seluruh negara pada 23 April 2024 selama 10 minit dari jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi bertemakan “Pembacaan Melestarikan Perpaduan” dan tagline “Baca & Bahagia”

BENGGKEL FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) KALI 1/2024

telah diadakan pada 25 April 2024 bertempat di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah. Bengkel sesi ini melibatkan jabatan / agensi teknikal di Daerah Pekan bagi penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar.



BENGGKEL FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) KALI 2/2024

telah diadakan pada 17 Mei 2024 bertempat di Dewan Mesyuarat Bunga Pekan. Bengkel sesi ini melibatkan pemain industri Daerah Pekan bagi penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar.



BENGKEL FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) - 3

telah diadakan pada 21 Mei 2024 bertempat di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah. Bengkel sesi ini melibatkan komuniti di Daerah Pekan bagi penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar.



MAJLIS ANGKAT SUMPAAH AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN PEKAN SESI 2024-2026

PEKAN, 15 MEI 2024 - Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pekan bagi sesi 2024 - 2026 melibatkan keseluruhan seramai 22 orang termasuk 6 orang Ahli Turut Hadir telah berlangsung di Dewan Mesyuarat Bunga Pekan, Majlis Perbandaran Pekan di hadapan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pekan, Mohamad Nasir Bin Jusoh, AAP dan turut disaksikan oleh Setiausaha Majlis Perbandaran Pekan, Puan TPr Zuraidah binti Abdul Majid serta Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian Majlis Perbandaran Pekan.



Majlis Perbandaran Pekan merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan ini dan semoga Ahli-Ahli Majlis yang dilantik dapat menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan amanah serta dapat mencurahkan khidmat bakti yang terbaik untuk masyarakat dan daerah Pekan Bandar Diraja.



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H / 2024 Majlis Perbandaran Pekan

PEKAN, 3 MEI 2024 - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Majlis 1445H / 2024 Majlis Perbandaran Pekan telah diadakan bertempat di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan, Pahang. Sambutan kali ini turut dimeriahkan dengan kehadiran ahli-ahli keluarga kakitangan MPP. Pelbagai juadah hari raya telah disediakan oleh jabatan dan bahagian di booth masing-masing yang cantik berhias mengikut tema pilihan. Turut hadir Mantan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pekan, YH. Dato' Zainal Abidin bin Md Amin seisi keluarga, Puan Setiausaha Majlis Perbandaran Pekan, Puan Tpr Zuraidah binti Abdul Majid, Ahli-Ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan Majlis Perbandaran Pekan.

Pada tahun ini, pertandingan booth tercantik turut dipertandingkan dan Jabatan Kejuruteraan telah berjaya dipilih tempat pertama bagi Booth Hari Raya Terbaik. Tempat kedua telah dimenangi oleh Jabatan Perhubungan Awam dan Komuniti manakala tempat ketiga jatuh kepada Pejabat Yang Dipertua yang terdiri daripada Bahagian Pusat Setempat, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Undang-Undang, Bahagian Integriti & Audit Dalam dan Bahagian Ukur Bahan. Semua kakitangan telah memberi komitmen yang terbaik dalam mempersembahkan booth masing-masing dalam menayakan Sambutan Hari Raya pada tahun ini.





Lensa MPP



GOTONG-ROYONG PERANGI AEDES



PEKAN, 25 MEI 2024 - Program Gotong Royong Perangi Wabak Denggi telah diadakan di Taman Sri Tanjung Selangor. Program ini melibatkan kerjasama antara Majlis Perbandaran Pekan, Pejabat Kesihatan Daerah Pekan, JKR, SWCorp, AFSB, JKKK, KRT, Penduduk Taman Sri Tanjung Selangor serta pelajar-pelajar dari UMPSA.



PEKAN, 26 MEI 2024 - Program Gotong-Royong Perangi Wabak Denggi telah diadakan di Taman Mawar, Taman Melor dan Taman Teratai, Kuala Pahang. Program ini melibatkan kerjasama antara Majlis Perbandaran Pekan, Pejabat Kesihatan Daerah Pekan, SWCorp, AFSB, JKKK, dan Penduduk Taman Mawar, Taman Melor, Taman Teratai, Kuala Pahang.



PEKAN, 14 JUN 2024 - Program gotong-royong basmi denggi telah diadakan di Perumahan Komuniti Bersepadu Kuala Pahang bermula seawal jam 8.30 pagi. Agensi yang terlibat adalah Majlis Perbandaran Pekan, Pejabat Kesihatan Daerah Pekan, SWCorp, Alam Flora, KRT dan penduduk sekitar.



OPS BERSEPADU

PEKAN, 29 MEI 2024 - OPS Bersepadu yang diadakan di Tapak Pasar Tani Kekal (FAMA). Agensi terlibat adalah Majlis Perbandaran Pekan, Penguatkuasa FAMA, Pejabat Kesihatan Daerah Pekan. 20 kompaun telah dikeluarkan bagi kesalahan di bawah Seksyen 3 UUK Penjaja 1991 (Tiada permit / lesen yang sah dari Majlis Perbandaran Pekan)



BENGGKEL PEMBANGUNAN KLASIFIKASI FAIL MAJLIS PERBANDARAN PEKAN

PEKAN, 27-28 MEI 2024 - Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail Majlis Perbandaran Pekan di Kelab Golf Diraja Pahang. Seramai 35 orang peserta terlibat terdiri daripada Ketua Jabatan, Ketua Bahagian dan pembantu tadbir rekod setiap jabatan yang menguruskan fail-fail di jabatan.

Sesi bengkel dipimpin oleh En. Usdi Bin Abdullah, En. Muhammad Shukri Bin Basirun dan Puan Nordarwina Binti Zainul Abidin dari Jabatan Arkib Negara Negeri Pahang.

Antara intipati dalam ucapannya, Tuan YDP menekankan tentang pentingnya mengurus fail dan rekod dengan kemas, teratur, seragam dan sistematik. Bengkel ini akan memberi pendedahan tentang kaedah dan panduan tatacara serta syarat-syarat umum sistem fail, klasifikasi fail, Sistem Pengurusan Dokumen Digital, Digital Document Management System (DDMS) sehinggalah kepada pelupusan rekod fail.

Akhir kata, Tuan YDP berharap dengan selesainya bengkel ini nanti, semua fail dan rekod di MPP semakin baik, teratur, sistematik dan kemaskini.





LAWATAN OLEH KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

PEKAN, 30 MEI 2024 - Lawatan KSU KPKT, Ketua Setiausaha KPKT, YH. Dato' Wira M. Noor Azman Taib bersama Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, YBrs. Tuan Haji Mansor bin Mohamad.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang, YB. Dato' Haji Mohammad Fakhruddin Mohd Ariff mengiringi Ketua Setiausaha KPKT, YH. Dato' Wira M. Noor Azman Taib melakukan Lawatan Kerja ke Tapak Pembinaan Pekan Sentral, Pekan

Hadir sama ialah Timbalan Ketua Setiausaha KPKT (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti), Tuan Haji Suhaimi Ali, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang (LPHP), YH. Dato' Ahmad Islanizam A. Halim, Pegawai Daerah Pekan, YH. Dato' Zaliza Zulkipli, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pekan, Tuan Mohamad Nasir Bin Jusoh serta ketua-ketua jabatan.



SESI LIBAT URUS (TOWN HALL)

PEKAN, 30 MEI 2024 - Sesi libat urus (Town Hall) dan penyerahan surat notis pemakluman kepada Pemilik premis di Bandar Pekan Lama, Pekan.





PROGRAM GOTONG ROYONG BASMI DENGGI

PEKAN, 14 JUN 2024 - Program Gotong-Royong Basmi Denggi telah diadakan di Perumahan Komuniti Bersepadu Kuala Pahang bermula jam 8.30 pagi. Program ini melibatkan Majlis Perbandaran Pekan, Pejabat Kesihatan Daerah, SWCorp, Alam Flora Sdn. Bhd., KRT, Penghulu, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan penduduk sekitar kampung.



5 JUN 2024 (RABU)



PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT)

PEKAN, 5 JUN 2024 - Sesi Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB - PBT) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah. Sebanyak 4 kriteria utama dan 18 sub-kriteria telah dinilai oleh pasukan inspektorat KPKT merangkumi aspek pengurusan organisasi, perkhidmatan-perkhidmatan teras PBT, pengurusan pelanggan serta aspek penyertaan komuniti dan penglibatan masyarakat bersama PBT.

Delegasi inspektorat diketuai oleh Encik Mohammad Khatb @ Fazri bin Amran, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Inspektorat Jabatan Kerajaan Tempatan KPKT.



SEMINAR AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PAHANG



KUANTAN, 10-11 JUN 2024 - Seminar Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang serta Majlis Penyampaian Sijil Watikah Ahli Majlis PBT Negeri Pahang anjuran Pahang Corporate Management Services (PCMS) di Hotel Grand Darul Makmur, Kuantan.



Bengkel Pemutihan Rumah Sembelihan Negeri Pahang

KUANTAN, 10-11 JUN 2024 - Bengkel Pemutihan Rumah Sembelihan Negeri Pahang melibatkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Plan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)



KEMPEN KAWALAN TIKUS



PEKAN, 11 JUN 2024 - Program Kempen Kawalan Tikus di Pasar Besar, Majlis Perbandaran Pekan. Objektif kempen ini adalah mengawal infestasi tikus di pasar awam dan mendapatkan indeks tikus semasa. Sasaran kempen ini adalah membasmi infestasi tikus, mengurangkan populasi tikus dan meningkatkan kecekapan pengurusan aktiviti kawalan tikus di PBT.

Selain itu, kempen ini juga dapat meningkatkan tahap kesedaran kepada komuniti pasar awam untuk menjaga kebersihan persekitaran.



Gotong-Royong Perdana

CHINI, 10 JUN 2024 - Gotong-Royong Perdana di Pasar kekal Bandar Dara Chini telah diadakan bersama pihak FAMA, SWcorp & Alam Flora dan Peniaga.




Taklimat dari Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Pahang

pada 6 Jun 2024 di Bilik Mesyuarat Utama, Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah.



SMR X PBT Golf Tournament

KUANTAN, 22 JUN 2024 - Tahniah dan syabas kepada para pemenang dari Majlis Perbandaran Pekan yang telah bertanding dalam SMR X PBT Golf Tournament yang bertempat di Mahkota Golf and Country Club, Kuantan Pahang.



PEKAN, 22 JUN 2024 - Program Gotong Royong Mega Perangi Aedes 1.0 dan One Hour Malaysia Clean Up Peringkat Negeri Pahang di Taman Seri Tanjung Selangor, Pekan, pada 22 Jun 2024 yang telah dirasmikan oleh YB Dato' Mohamad Nizar Bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP, Exco Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang yg dianjurkan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang dan Pejabat Kesihatan Daerah Pekan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pekan, SWCorp, Alam Flora Sdn. Bhd., Jabatan Kerja Raya, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Pendidikan Daerah, Pejabat Penerangan, Pejabat Daerah dan Tanah Pekan, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), KRT dan COMBI.



PIALA DATUK BANDAR MBI



Moh Kite Boling

21 - 23 JUN 2024

AMPANG SUPERBOWL IPOH PARADE

Kejohanan "Ipoh-Moh Kite Boling"

Diselenggarakan

IPOH, 23 JUN 2024 - Syabas dan tahniah kepada Pasukan Tenpin Boling Majlis Perbandaran Pekan yang telah berjuang dalam Kejohanan "Ipoh-Moh Kite Boling" Piala Datuk Bandar Ipoh Tahun 2024 sempena Sambutan Hari Bandaraya Ipoh ke-36.

Sebanyak 49 pasukan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia dan agensi kerajaan di sekitar Bandaraya Ipoh telah bertanding dalam kejohanan yang berlangsung selama 3 hari di Ampang Superbowl, Ipoh Parade ini.

Encik Mohd Syazlan bin Mohd Isa Suffian, Pengarah Jabatan Perbendaharaan Bandaraya telah mewakili Datuk Bandar menyampaikan hadiah kepada para pemenang.



Selamat Datang

Warga kerja Majlis Perbandaran Pekan yang mula bertugas ialah :

- 1) **Nur Fatin Balqis binti Norddin**
Pembantu Tadbir N19
- 2) **Siti Salsabila binti Ahmad Rafi**
Pembantu Tadbir N19
- 3) **Muhammad Al Rashiden Fitri bin Abdul Razak**
Pembantu Tadbir N19
- 4) **Muhammad Amir Shahril bin Ahmad Rizal**
Penolong Pegawai Senibina JA29

Majlis Perbandaran Pekan mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan warga kerja yang baru menjawat jawatan. Semoga ilmu dan pengetahuan yang ditimba di MPP bakal mendewasakan dan membuahkan produktiviti berkualiti bagi meningkatkan imej Bandar Pekan

KELUARGA mpp

Jasamu Dikenang

Warga kerja Majlis Perbandaran Pekan yang telah bertukar / bersara / berhenti sepanjang penggal pertama tahun 2024 ialah :

- 1) **Encik Muhammad Norsalam bin Md Arsat**
Pembantu Penguatkuasa KP19
03.07.2023 - 16.01.2024
- 2) **YH. Dato' Haji Zainal Abidin bin Md. Amin, DIMP., AMP.**
Yang Dipertua
01.04.2021 - 20.02.2024
- 3) **Puan Nor Zafirah binti Bokratan**
Pembantu Tadbir N19
01.03.2022 - 29.02.2024
- 4) **Encik Muhammad Shahril bin Roslizam**
Pembantu Tadbir (ALK) N19
15.09.2024 - 01.03.2024
- 5) **Cik Farah Nurliyana binti Mat Sabri**
Pembantu Penilaian W19
01.02.2024 - 05.04.2024
- 6) **Encik Muhammad Zulhilmi Hadi bin Khairun Najmi**
Pembantu Tadbir (ALK) N19
03.07.2023 - 19.04.2024

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada warga kerja yang telah bertukar / bersara di atas jasa bakti dan sumbangan yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan di Majlis Perbandaran Pekan. Jasa tuan/ puan akan dikenang sepanjang masa.

KURANG CEKAP DAN KURANG BERUSAHA

Kaedah 4(2)(e) Kaedah-Kaedah Pegawai
Majlis Perbandaran Pekan (Kelakuan dan Tata tertib) 2000

Contoh pelanggaran kaedah



Gagal memantau kerja
pegawai bawahan



Tiada inisiatif untuk
menyelesaikan urusan kerja
seberapa segera



Membuat pembayaran sebelum
kerja/ projek/ bekalan
mentah selesai/ terima



Bersikap malas dalam
menjalankan tugas-tugas

(Pelanggaran tatakelakuan tidak terikat dengan contoh-contoh yang dinyatakan sahaja)